



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

HPPK 2025 PERKUKUH USAHA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL KE ARAH PENDIGITALAN PERNIAGAAN

TEMERLOH, 2 November – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) terus memperkukuh ekosistem keusahawanan mikro melalui penganjuran Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) 2025 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Lurah Semantan, Temerloh, Pahang dari 31 Oktober hingga 2 November 2025. Ia melibatkan penyertaan lebih 800 usahawan mikro merangkumi usahawan Satu Daerah Satu Industri (SDSI), penjaja dan peniaga kecil dariipada pelbagai negeri serta peniaga kecil Pekan Sehari Temerloh.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, nilai jualan melepasi sasaran iaitu RM1 juta dan potensi pembiayaan mencecah RM4 juta menjadikan jumlah keseluruhan impak ekonomi RM5 juta sepanjang karnival berlangsung.

Penganjuran HPPK 2025 turut menerima sambutan menggalakkan dengan kehadiran lebih 45,000 pengunjung sepanjang tiga hari karnival, sekali gus membuktikan sokongan padu rakyat terhadap sektor penjaja dan peniaga kecil sebagai pemacu ekonomi rakyat.

KUSKOP bukan sahaja meraikan sumbangan para penjaja dan peniaga kecil, tetapi turut membantu memperkukuh daya saing mereka melalui program latihan, bimbingan dan inisiatif pendigitalan keusahawanan. Fokus KUSKOP ialah bagi memastikan lebih ramai peniaga mikro beralih kepada penggunaan sistem pembayaran tanpa tunai, platform e-dagang dan strategi pemasaran digital.

Pendigitalan ini dilaksanakan secara bersepadu melalui inisiatif dan program di bawah agensi-agensi di bawah KUSKOP seperti Bank Rakyat, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Contohnya inisiatif khas 'Khemah Jajahan Rakyat' oleh Bank Rakyat melalui penyediaan pembiayaan mikro, khidmat nasihat kewangan serta bimbingan digital, sejajar dengan komitmen memperluas peluang ekonomi rakyat di peringkat akar umbi.

Menerusi penganjuran HPPK2025 ini, ia turut membawa kepada limpahan ekonomi kepada komuniti setempat di mana hampir 800 bilik hotel dan inap desa telah ditempah sepenuhnya serta peningkatan nilai jualan yang berkali ganda kepada peniaga tempatan.

Majlis Perasmian Penutupan HPPK2025 Peringkat Kebangsaan disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang yang mewakili YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, hari ini.

Bertemakan "Memacu Ekonomi MADANI, Memperkasa Usahawan Mikro", HPPK2025 menjadi komitmen berterusan KUSKOP untuk memperkukuh daya tahan dan kemampanan ekonomi rakyat, khususnya melalui pemeraksanaan digital, pembiayaan inklusif dan latihan keusahawanan secara berterusan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
2 NOVEMBER 2025